



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN
TINGKAT 10, WISMA PERSEKUTUAN
JALAN DATO' ABDUL KADIR, 70990 SEREMBAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tel : 06-7686800
Fax : 06-7619027
Web : <http://portalpp.anm.gov.my/nsembilan>

Ruj. Kami : ANM(T)NS.029 Jld. 18(65)

Tarikh : 30 Jun 2020

YB Dato' Setiausaha Kerajaan
Negeri Sembilan Darul Khusus

Setiausaha Sulit
Kepada YAB Menteri Besar Negeri Sembilan

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan/Negeri
Negeri Sembilan Darul Khusus

Ketua-ketua Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan
Negeri Sembilan Darul Khusus

YB. Dato'/YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN PERTUKARAN PENGARAH JABATAN AKAUNTAN NEGARA
MALAYSIA (JANM) DAN UCAPAN TERIMA KASIH**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa saya, Mohamad Nor Azam Bin Sabtu C.A(M), Pengarah JANM Negeri Sembilan akan bertukar ke Ibu Pejabat, JANM Putrajaya mulai 1 Julai 2020. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB. Dato'/YBhg. Dato'/Tuan/Puan di atas segala kerjasama serta sokongan sepanjang tempoh perkhidmatan saya di Negeri Sembilan terutama semasa peralihan landskap perakaunan negara daripada Perakaunan Tunai Ubahsuai kepada Perakaunan Akruan serta pelaksanaan Sistem iGFMAS.

3. Saya juga ingin memohon maaf sekiranya terdapat kekhilafan serta keterlanjuran tutur kata sepanjang saya berkhidmat sebagai Pengarah JANM Negeri Sembilan.

4. Akhir kata, saya mengharapkan agar kerjasama dapat diteruskan kepada pengganti saya, Puan Masayu binti Mustafa.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHAMAD NOR AZAM BIN SABTU C.A.(M))

Pengarah Negeri

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan